

Bil. S 6

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PENERBANGAN AWAM, 2006**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran.
2. Gelaran panjang.
3. Tafsiran.
4. Pengenaaan.

**BAHAGIAN II**

**ORGANISASI DAN PENTADBIRAN PENERBANGAN AWAM**

5. Tugas-tugas Menteri.
6. Jabatan Penerbangan Awam.
7. Tugas-tugas Pengarah.

**BAHAGIAN III**

**PESAWAT UDARA**

8. Pendaftaran dan tanda kerakyatan.
9. Kerakyatan pesawat udara.
10. Prosedur pendaftaran.
11. Sijil kelayakan terbang.
12. Alatan penerbangan dan kelengkapan perhubungan.

13. Dokumen yang dibawa di dalam pesawat udara.
14. Hak ke atas pesawat udara dan penahanan pesawat udara.

**BAHAGIAN IV**

**PERSONEL**

15. Lesen dan sijil.
16. Komander pesawat udara.
17. Anak kapal.

**BAHAGIAN V**

**PENGENDALIAN PESAWAT UDARA**

18. Aturan-Aturan Udara.
19. Perkhidmatan perjalanan udara.
20. Penjenisan ruang udara, penetapan laluan udara dan kawasan larangan atau terhad.
21. Aktiviti-aktiviti yang dilarang.
22. Mencari dan menyelamatkan.
23. Penyiasatan kemalangan dan kejadian.
24. Kuasa-kuasa Menteri dalam hal keperluan tentera atau keselamatan awam.

**BAHAGIAN VI**

**PENGANGKUTAN UDARA**

25. Lesen pengendalian.
26. Sijil pengendali udara.
27. Kriteria pengeluaran sijil.
28. Syarat-syarat pengeluaran sijil.

29. Pindaan, penggantungan dan pembatalan sijil.
30. Tarif.
31. Pemfailan, kebenaran dan penggantungan tarif.

## **BAHAGIAN VII**

### **AERODROM**

32. Kawalan lapangan terbang dan bangunan.
33. Penetapan aerodrom.
34. Mendarat di aerodrom yang ditetapkan.
35. Pelesenan mandatori aerodrom.
36. Kriteria pengeluaran lesen.
37. Peraturan-peraturan bagi pengurusan dll. lapangan terbang.
38. Kuasa-kuasa Pengarah berhubung dengan pengurusan aerodrom.
39. Pemindahan halangan berbahaya.
40. Sekatan ke atas penggunaan tanah.
41. Penunjukan lampu.
42. Pemberian bantuan.

## **BAHAGIAN VIII**

### **LIABILITI DAN INSURANS**

43. Pengenaan Konvensyen Warsaw-Hague.
44. Pengangkutan bukan antarabangsa.
45. Liabiliti pengendali pesawat udara kepada pihak ketiga.
46. Kecuaian sertaan.
47. Kehendak insurans minimum.

48. Aturan-aturan bagi kepentingan awam.

**BAHAGIAN IX**

**KESELAMATAN PENERBANGAN AWAM**

49. Bidang kuasa ke atas kesalahan dan perbuatan lain yang dilakukan di dalam pesawat udara.
50. Keselamatan di lapangan terbang.

**BAHAGIAN X**

**AM**

51. Kesalahan-kesalahan dan peruntukan-peruntukan penal.
52. Kehendak melaporkan.
53. Tanggung rugi pegawai kerajaan.
54. Pengecualian.
55. Pemansuhan Penggal 113 dan perkecualian.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PENERBANGAN AWAM, 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penerbangan Awam, 2006.

**Gelaran panjang.**

2. Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan rangka pengawalseliaan bagi memantau, meningkatkan dan menggalakkan keselamatan penerbangan awam menurut prinsip-prinsip Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa yang dibuat di Chicago, mana-mana Protokol yang memindanya dan Standard dan Amalan Yang Disyorkan yang diterima-pakai di bawah Konvensyen itu dan disiarkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa sebagai Lampiran-Lampiran kepadanya".

**Tafsiran.**

3. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"kemalangan" bermakna mana-mana keadaan atau kejadian yang luar biasa dan tidak dijangka yang melibatkan sesebuah pesawat udara dalam penerbangan, atau orang atau harta di dalam pesawat udara tersebut, yang mengakibatkan kecederaan diri yang teruk, kematian atau kerosakan harta yang teruk, atau yang mengakibatkan kerosakan struktur kepada atau kegagalan pesawat udara itu;

"aerodrom" bermakna suatu kawasan yang ditentukan di atas tanah atau air yang akan digunakan seluruhnya atau sebahagiannya, untuk pesawat udara berlepas, mendarat atau bergerak, dan termasuk bangunan loji dan kelengkapan di dalam kawasan yang ditentukan oleh Menteri, dan juga, bagi maksud-maksud Perintah ini, berdekatan dengan kawasan itu;

"pihak berkuasa aerodrom" bermakna seseorang atau perusahaan yang memiliki atau mengurus aerodrom yang telah dilesenkan;

"kapal terbang" bermakna sesebuah pesawat udara bersayap tetap pacuan enjin lebih berat dari udara yang ditopang dalam penerbangan melalui reaksi dinamik udara dari sayap-sayapnya;

"pengangkut udara" bermakna suatu perusahaan, sebagai seorang rakyat, yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam pengangkutan melalui udara orang, harta dan barang pos atau mana-mana daripadanya bagi ganjaran atau sewa;

"pesawat udara" bermakna sebuah jentera yang dapat menerbitkan topangan di atmosfera dari reaksi udara, selain reaksi udara dari permukaan bumi;

"pengendali pesawat udara" bermakna seseorang, pertubuhan atau perusahaan yang terlibat dalam atau menawarkan untuk terlibat dalam pengendalian pesawat udara;

"perkhidmatan perjalanan udara" termasuk perkhidmatan maklumat penerbangan, perkhidmatan waspada, perkhidmatan penasihat lalulintas udara, perkhidmatan kawalan lalulintas udara, perkhidmatan kawalan kawasan, perkhidmatan kawalan tuju atau perkhidmatan kawalan aerodrom;

"sijil pengendali udara" bermakna suatu sijil yang dikeluarkan di bawah Bahagian VI;

"perkhidmatan udara" bermakna akujanji yang dibuat oleh pengangkut udara atau perusahaan pengangkutan udara untuk membawa orang, harta dan barang pos atau mana-mana daripadanya bagi ganjaran atau sewa;

"perusahaan pengangkutan udara" bermakna suatu perusahaan yang terlibat dalam atau menawarkan untuk terlibat dalam pengangkutan awam berjadual atau tidak berjadual melalui udara;

"alat" bermakna instrumen, kelengkapan, radas, bahagian, perlengkapan atau aksesori, apa pun perihalnya, yang digunakan, atau boleh digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan, dalam perjalanan, pengendalian atau kawalan pesawat udara dalam penerbangan (termasuk payung terjun dan termasuk kelengkapan perhubungan dan mana-mana mekanisme lain yang dipasang di dalam atau dilekatkan kepada pesawat udara semasa penerbangan), dan yang bukan merupakan suatu bahagian atau bahagian-bahagian pesawat udara, enjin atau propeler pesawat udara;

"orang yang diberi kuasa" bermakna seseorang yang bertindak sebagai wakil atau bagi pihak Pengarah berkaitan dengan semua atau sebarang kuasa yang diberikan kepadanya di bawah peraturan-peraturan;

"sijil kelayakan terbang" bermakna suatu dokumen yang dikehendaki bagi pengendalian perkhidmatan udara di Negara Brunei Darussalam, kehendak-kehendak mengenainya ada diperuntukkan dalam Bahagian-Bahagian III dan IV;

"bayaran" bermakna, berkenaan dengan pihak berkuasa aerodrom, bayaran yang dibuat oleh pihak berkuasa itu kerana menggunakan aerodrom berlesen, yang diurus oleh Jabatan;

"Konvensyen Chicago" bermakna Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa yang dibuat di Chicago dan ditandatangani oleh United Kingdom bagi pihak Negara Brunei Darussalam pada 7hb. Disember, 1994 dan diterima-pakai oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, dan termasuk sebarang pindaan dan tambahan kepadanya yang dipatuhi oleh Negara Brunei Darussalam;

"rakyat" bermakna seseorang individu yang merupakan seorang rakyat Negara Brunei Darussalam, seseorang yang kepadanya suatu Permit Mastautin telah diberikan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen (Penggagal 17) atau suatu badan korporat yang diperbadankan atau didaftarkan di Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Syarikat (Penggagal 39);

"personel penerbangan awam" bermakna mana-mana individu yang menjalankan suatu tugas penerbangan awam, termasuk tetapi tidak terhad kepada anak kapal penerbangan, pekerja penyelenggaraan pesawat udara, pengawal lalulintas udara dan pekerja pengangkut udara atau lapangan terbang;

"komander" bermakna juruterbang yang memegang kuasa yang bertanggungjawab bagi keselamatan pengendalian sesebuah pesawat udara dan keselamatan penghuninya semasa pesawat udara itu dalam penerbangan;

"Negara Pejanji" bermakna mana-mana negara yang menjadi anggota Konvensyen Chicago mengikut kuasa tandatangan wakil negara itu dalam Konvensyen dan ratifikasi yang kemudiannya oleh negara itu;

"kontrak pengangkutan" bermakna pemaktuban hubungan di bawah kontrak, secara bertulis atau pun selainnya dipersetujui, yang menetapkan persetujuan pengangkut udara atau perusahaan pengangkutan udara untuk menawarkan dan melaksanakan suatu perkhidmatan pengangkutan udara atau perkhidmatan udara, dan persetujuan pihak yang satu lagi dalam kontrak itu untuk menerima tawaran dan pelaksanaan tersebut;

"anggota anak kapal" bermakna komander pesawat udara dan orang lain yang dilesenkan untuk menyertai pengendalian pesawat udara semasa penerbangan;

"Jabatan" bermakna Jabatan Penerbangan Awam;

"Pegawai" bermakna Pegawai Jabatan, yang dilantik di bawah bab 7;

"dokumen pengangkutan" bermakna, berkenaan dengan pengangkutan penumpang dan bagasi, tiket penumpang yang telah diisi dengan betul, tanda bagasi dan kupon bagasi; dan, berkenaan dengan pengangkutan kargo, bil jalan udara atau apa-apa cara lain yang akan menyimpan suatu rekod maklumat yang mengandungi suatu penunjuk tempat-tempat berlepas dan destinasi, atau sekiranya tempat berlepas dan destinasi berada di dalam Negara Brunei Darussalam dan satu atau lebih tempat persinggahan berjadual adalah di dalam sebuah negara asing, suatu penunjuk sekurang-kurang satu tempat persinggahan tersebut;

"pengangkut udara asing" bermakna suatu perusahaan, yang tidak dijalankan oleh seorang rakyat, yang secara langsung atau tidak langsung, terlibat dalam pengangkutan melalui udara orang, harta dan barang pos bagi ganjaran atau sewa;

"pesawat udara asing" bermakna sesebuah pesawat udara yang didaftarkan di sebuah negara atau wilayah selain dari Negara Brunei Darussalam;

"Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa" bermakna Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa yang ditubuhkan di bawah Konvensyen Chicago;

"kejadian" bermakna mana-mana keadaan atau peristiwa, selain dari kemalangan, yang melibatkan sesebuah pesawat udara dalam penerbangan, atau orang dan harta di dalam pesawat udara tersebut, yang menimbulkan ancaman atau bahaya kepada keselamatan pesawat udara itu, orang atau harta di dalamnya, pesawat udara lain atau mana-mana orang atau harta lain, sama ada atau tidak ancaman atau bahaya tersebut mengakibatkan kerosakan atau kecederaan;

"dalam penerbangan" bermakna —

(a) dalam hal sesebuah pesawat udara yang dipandu, dari saat apabila, setelah anak kapal naik untuk berlepas, ia mula-mula bergerak dengan kuasanya sendiri sehingga saat apabila ia kemudiannya berhenti setelah mendarat;



(b) dalam hal sesebuah pesawat udara tanpa juruterbang (termasuk glider), dari saat apabila ia mula-mula bergerak bagi maksud untuk berlepas sehingga saat apabila ia kemudiannya berhenti setelah mendarat;

(c) dalam hal sesebuah kapal udara atau belon bebas, dari saat apabila ia dilepaskan dari permukaan bumi sehingga saat apabila ia diikat atau berhenti;

"perkhidmatan udara antarabangsa" bermakna suatu perkhidmatan udara antara suatu tempat di Negara Brunei Darussalam dan suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam;

"kawasan mendarat" bermakna mana-mana kawasan, termasuk lapangan terbang dan padang mendarat pertengahan, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan, bagi pesawat udara mendarat dan berlepas, sama ada atau tidak kemudahan diberikan bagi perlindungan, penservisan atau pembaikan pesawat udara, atau bagi penerimaan atau pelepasan penumpang atau kargo;

"Menteri" bermakna Menteri Perhubungan;

"ruang udara boleh terbang" bermakna ruang udara di atas altitud minimum penerbangan, termasuk ruang udara yang diperlukan untuk memastikan keselamatan semasa pesawat udara berlepas dan mendarat;

"anak kapal pengendali" bermakna komander pesawat udara dan orang lain yang telah dilesenkan yang kedua-duanya bertugas dan diberi kewajipan yang penting dalam pengendalian pesawat udara semasa ia dalam penerbangan;

"lesen pengendalian" bermakna suatu dokumen yang dikehendaki bagi pengendalian perkhidmatan udara di Negara Brunei Darussalam, kehendak-kehendak mengenainya ada diperuntukkan dalam peraturan-peraturan;

"pengendalian pesawat udara" bermakna penggunaan pesawat udara bagi maksud perjalanan udara, termasuk penerbangan pesawat udara;

"pengendali pesawat udara" bermakna mana-mana orang yang menyebabkan, membenarkan, terlibat dalam atau menawarkan untuk terlibat dalam pengendalian pesawat udara, sama ada dengan atau tanpa hak kawalan di sisi undang-undang, atas sifat pemilik, penerima pajak atau pun selainnya, pesawat udara tersebut;

"pemilik" bermakna, berkenaan dengan sesebuah pesawat udara atau aerodrom, orang yang atas namanya pesawat udara atau aerodrom itu didaftarkan, dan termasuk mana-mana orang yang bertindak atau telah bertindak sebagai ejen di Negara Brunei Darussalam bagi pemilik asing,

dan mana-mana orang yang pada masa itu menyewa pesawat udara atau aerodrom itu;

"juruterbang yang memegang kuasa" bermakna komander sesebuah pesawat udara;

"peraturan-peraturan" bermakna sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini, atau di bawah Akta Perjalanan Udara (Penggalaan 113) (dimansuhkan oleh Perintah ini) dan dikekalkan oleh ceraihan (3) bab 55;

"kawasan terhad" bermakna mana-mana bahagian aerodrom di mana, dan dalam hal bangunan atau kawasan aerodrom yang padanya dan di sekelilingnya, terdapat notis yang ditampalkan oleh pihak berkuasa aerodrom yang melarang masuk;

"Aturan-Aturan dari Peraturan-Peraturan Udara" bermakna peraturan-peraturan dari gelaran itu yang dibuat Menteri di bawah Perintah ini;

"Standard dan Amalan Yang Disyorkan" bermakna Standard dan Amalan Yang Disyorkan yang diterima-pakai dari masa ke semasa oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa menurut Perkara 37 Konvensyen Chicago dan disiarkan dalam Lampiran-Lampiran kepada Konvensyen itu;

"pesawat udara Negara" bermakna sesebuah pesawat udara yang digunakan secara eksklusif dalam perkhidmatan mana-mana kerajaan atau mana-mana bahagian kecil politiknya, termasuk kerajaan munisipal, tetapi tidak termasuk mana-mana pesawat udara milik kerajaan yang terlibat dalam membawa orang atau harta bagi maksud-maksud perdagangan; dan bagi maksud-maksud takrifan ini, "digunakan secara eksklusif dalam perkhidmatan" bermakna bagi sesebuah pesawat udara yang dimiliki dan dikendalikan oleh suatu entiti kerajaan bagi maksud-maksud selain dari maksud-maksud perdagangan atau yang dipajakan secara eksklusif oleh entiti kerajaan tersebut selama tidak kurang dari 90 hari berterusan;

"negara pengendali pesawat udara" bermakna negara di mana pengendali sesebuah pesawat udara mempunyai tempat perniagaannya yang utama atau, jika dia tidak mempunyai tempat perniagaan tersebut, tempat kediaman tetapnya;

"Konvensyen Warsaw-Hague" bermakna Konvensyen bagi Penyatuan Aturan-Aturan Tertentu Berkenaan dengan Pengangkutan Antarabangsa melalui Udara yang dibuat di Warsaw pada 12hb. Oktober, 1929, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol kepada Konvensyen itu yang dibuat di The Hague pada 28hb. September, 1955.

**Pengenaan.**

4. (1) Perintah ini dikenakan kepada semua perkara yang berkaitan dengan penerbangan awam, termasuk tetapi tidak terhad kepada —

(a) pengendalian pesawat udara awam yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam;

(b) pesawat udara awam asing yang dikendalikan ke atau dari, atau dalam persinggahan di, Negara Brunei Darussalam;

(c) pelesenan personel semua pesawat udara tersebut, dan

(d) kelayakan pengangkut udara yang mengendalikan perkhidmatan udara yang berkaitan dengan Negara Brunei Darussalam, melainkan jika dikecualikan darinya secara khusus menurut bab 54.

(2) Perintah ini tidak dikenakan kepada pesawat udara Negara Brunei Darussalam dan Negara asing.

**BAHAGIAN II**

**ORGANISASI DAN PENTADBIRAN PENERBANGAN AWAM**

**Tugas-tugas Menteri.**

5. (1) Menteri mempunyai kewajipan am untuk mengatur, melaksanakan dan mendorong langkah-langkah bagi —

(a) perkembangan penerbangan awam yang kukuh dan ekonomi;

(b) menggalakkan keselamatan dan kecekapan dalam penerbangan awam dan perjalanan udara;

(c) mengadakan dan menyelenggara aerodrom, dengan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar;

(d) memenuhi obligasi antarabangsa dalam bidang penerbangan awam antarabangsa, termasuk yang berkenaan dengan Konvensyen Chicago, serta Lampiran-Lampiran kepadanya dan pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan yang sama kepadanya, di samping Standard dan Amalan Yang Disyorkan termasuk memfailkan perbezaan menurut Perkara 38 Konvensyen Chicago;

(e) membuat perjanjian dua hala atau pelbagai hala;

(f) memenuhi kewajiban-kewajiban yang tersebut di atas dan semua kewajiban lain yang perlu supaya penerbangan awam di Negara Brunei Darussalam dapat berfungsi dengan betul, sama ada secara persendirian atau melalui perwakilan atau pemindahan kewajiban kepada Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa;

(g) pengambilan oleh Kerajaan di bawah Akta Pengambilan Tanah (Penggala 41) tanah dan kepentingan ke atas dan hak kepada dan ke atas tanah bagi maksud-maksud untuk melanjutkan penerbangan awam; dan

(h) dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan —

- (i) yang mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pesawat udara di Negara Brunei Darussalam;
- (ii) yang melarang pesawat udara dari membuat penerbangan melainkan jika suatu sijil kelayakan terbang telah dikeluarkan atau disahkan di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, dan kecuali setelah mematuhi syarat-syarat tentang penyelenggaraan atau pembaikan sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam peraturan-peraturan atau pun selainnya;
- (iii) yang mengadakan peruntukan bagi pelesenan, pemeriksaan dan pengawalseliaan lapangan-lapangan terbang, bagi akses ke lapangan-lapangan terbang dan tempat-tempat di mana pesawat udara telah mendarat, bagi akses ke kilang dan hangar bagi maksud memeriksa kerja yang dijalankan di dalamnya berkenaan dengan pesawat udara atau alat-alatnya atau peralatan yang dibawa di dalamnya, dan bagi melarang atau mengawalselia penggunaan lapangan-lapangan terbang yang tidak berlesen;
- (iv) yang melarang orang dari diambil kerja, atau digaji atau berhubung dengan, perjalanan udara atas sifat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam peraturan-peraturan, kecuali menurut peruntukan-peruntukan bagi maksud itu, dan bagi melesenkan mereka yang telah digaji di lapangan-lapangan terbang yang dilelesenkan di bawah peraturan-peraturan dalam pemeriksaan atau penyeliaan pesawat udara;
- (v) yang memperuntukkan syarat-syarat yang menurutnya, dan khasnya lapangan-lapangan terbang yang kepadanya atau darinya, pesawat udara yang memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam boleh membuat penerbangan,

dan tentang syarat-syarat yang menurutnya pesawat udara boleh membuat penerbangan dari satu bahagian di Negara Brunei Darussalam ke bahagian lain;

- (vi) yang memperuntukkan syarat-syarat yang menurutnya penumpang-penumpang dan barang-barang boleh dibawa melalui udara dan yang menurutnya pesawat udara boleh digunakan bagi maksud-maksud komersial, perindustrian atau menguntungkan yang lain, dan bagi melarang pengangkutan melalui udara barang-barang dari jeni-jenis sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam peraturan-peraturan;
- (vii) yang mengurangkan atau mengelakkan gangguan penggunaan atau keberkesanan radas yang digunakan berhubung dengan perjalanan udara, dan bagi melarang atau mengawalselia penggunaan radas tersebut, dan penunjukan isyarat dan lampu yang boleh membahayakan pesawat udara;
- (viii) yang mengurangkan atau mengelakkan gangguan dari perkakas elektrik yang berdekatan dengan loji telekomunikasi penerbangan dan pandu arah beradio di bumi;
- (ix) pada amnya bagi menjamin keselamatan, kecekapan dan keteraturan perjalanan udara dan keselamatan pesawat udara dan orang serta harta yang dibawa di dalamnya, bagi mengelakkan pesawat udara dari membahayakan orang dan harta lain, dan khasnya, bagi menahan pesawat udara bagi sebarang maksud yang dinyatakan dalam perenggan kecil ini;
- (x) yang memperuntukkan Aturan-Aturan Udara;
- (xi) yang memperuntukkan waktu bertugas maksimum penerbangan bagi anak kapal;
- (xii) yang menghendaki orang yang diambil kerja, atau digaji atau berhubung dengan perjalanan udara untuk memberikan maklumat kaji cuaca bagi maksud-maksud perjalanan udara;
- (xiii) yang mengawalselia pemberian isyarat dan perhubungan lain oleh atau kepada pesawat udara dan orang yang dibawa di dalamnya;

- (xiv) yang menghalang atau menyekat mana-mana pesawat udara dari membuat penerbangan di atas kawasan-kawasan di Negara Brunei Darussalam atau berdekatan dengan loji luar pantai sebagaimana yang mungkin dinyatakan dengan pemberitahuan;
- (xv) yang memperuntukkan cara dan syarat-syarat pengeluaran, pengesahan, pembaharuan, penyambungan atau perubahan sebarang sijil, lesen atau dokumen lain yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan, termasuk peperiksaan dan ujian yang akan dijalani, dan tentang bentuk, penyimpanan, pengemukaan, pembatalan, penggantungan, pengendorsan dan penyerahan sebarang dokumen tersebut;
- (xvi) yang mengawalselia caj yang boleh dibayar kerana menggunakan lapangan terbang Kerajaan atau lesen lapangan terbang di bawah peraturan-peraturan, dan kerana perkhidmatan yang diberikan di lapangan-lapangan terbang tersebut;
- (xvii) yang menghendaki pembayaran caj, dalam amaun dan matawang sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam peraturan-peraturan, berkaitan dengan perjalanan, perhubungan dan perkhidmatan kawalan lalulintas udara;
- (xviii) yang menetapkan bayaran yang akan dibuat berkaitan dengan pengeluaran, pengesahan, pembaharuan, penyambungan atau perubahan sebarang sijil, lesen atau dokumen lain atau kerana menjalani sebarang peperiksaan atau ujian yang dikehendaki oleh atau menurut peraturan-peraturan, atau berkaitan dengan sebarang perkara lain yang pada pendapat Menteri sebagai wajar untuk dikenakan bayaran;
- (xix) yang mengecualikan mana-mana pesawat udara atau orang atau jenis pesawat udara atau golongan orang dari mana-mana peruntukan sebarang peraturan;
- (xx) yang menetapkan apa-apa yang dikehendaki untuk ditetapkan dan pada amnya untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Sebarang peraturan yang dibuat di bawah cerai (1) boleh memberi kuasa kepada Pengarah untuk membuat dan mengeluarkan perintah atau arahan berkenaan dengan perkara-perkara yang boleh ditetapkan oleh peraturan-peraturan itu.

**Jabatan Penerbangan Awam.**

6. (1) Hendaklah diadakan bagi maksud-maksud Perintah ini sebuah jabatan Kerajaan yang dipanggil Jabatan Penerbangan Awam, yang akan diberi tugas untuk melaksanakan Perintah ini dan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya.

(2) Jabatan itu hendaklah diketuai oleh Pengarah.

**Tugas-tugas Pengarah.**

7. Pengarah hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan hendaklah —

(a) melaksanakan tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini; termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas bagi memastikan Perintah ini dipatuhi dan keselamatan perjalanan udara, pendaftaran pesawat udara, pelesenan pengangkutan udara, penyediaan perkhidmatan perjalanan udara, pengendalian aerodrom, keselamatan lalulintas udara dan pesawat udara termasuk kelayakan terbang, kawalan lalulintas udara, perakuan pengendali pesawat udara dan pelesenan anak kapal, penyelenggaraan dan personel lalulintas udara dan aerodrom;

(b) memberi nasihat kepada Menteri mengenai semua perkara yang menyentuh penerbangan awam dan bantuan dan maklumat mengenai perkara-perkara berkenaan dengan penerbangan awam yang selamat dan dapat berfungsi dengan betul di dan berkenaan dengan Negara Brunei Darussalam.

(c) melaksanakan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Perintah ini,

dan dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Pengarah hendaklah menimbangkan semua faktor yang berkaitan, termasuk faktor alam sekitar dan gangguan kepada orang ramai kerana sebarang sebab yang berpunca dari penggunaan pesawat udara dalam penerbangan awam.

**BAHAGIAN III**

**PESAWAT UDARA**

**Pendaftaran dan tanda kerakyatan.**

8. (1) Hendaklah diadakan suatu daftar pesawat udara Negara Brunei Darussalam. Pengarah adalah pihak berkuasa bagi pendaftaran pesawat udara,

menurut peruntukan-peruntukan Bahagian ini. Daftar itu hendaklah terbuka kepada orang ramai dan hendaklah memasukkan butir-butir pendaftaran pesawat udara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian ini, dan sebarang maklumat lain yang mungkin bersesuaian untuk dimasukkan bagi menyesuaikan pejabat pendaftaran dengan keperluan industri penerbangan, termasuk maklumat seperti sebarang penahanan, hak, tuntutan atau keputusan yang diarahkan atau dikenakan kepada pesawat udara tersebut.

(2) Tiada pesawat udara boleh membuat penerbangan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika pesawat udara itu —

(a) didaftarkan dalam daftar pesawat udara Negara Brunei Darussalam atau di Negara Pejanji yang lain atau di negara atau wilayah lain yang berkenaan dengannya terdapat suatu perjanjian yang berkuatkuasa di antara Negara Brunei Darussalam dan negara atau wilayah lain itu yang membuat peruntukan bagi penerbangan di atas, ke, dari dan melalui Negara Brunei Darussalam pesawat udara yang didaftarkan di negara atau wilayah itu;

(b) mempunyai lambang kerakyatan dan tanda pendaftaran yang ditetapkan;

(c) mempunyai suatu sijil kelayakan terbang yang sah;

(d) dilengkapi dengan alatan penerbangan dan kelengkapan perhubungan; dan

(e) dipandu oleh anak kapal berlesen.

(3) Pengarah boleh mengecualikan pesawat udara tertentu dari sebarang kehendak ini secara bertulis dalam hal keadaan khas bagi suatu tempoh masa yang terhad, dengan menyatakan sebab-sebab pengecualian itu.

#### **Kerakyatan pesawat udara.**

9. (1) Pesawat udara yang didaftarkan dalam daftar pesawat udara Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai kerakyatan Negara Brunei Darussalam. Semasa mempunyai kerakyatan Negara Brunei Darussalam, sesebuah pesawat udara tidak layak untuk didaftarkan di negara atau wilayah lain.

(2) Pesawat udara dalam daftar negara atau wilayah lain tidak boleh didaftarkan serentak di Negara Brunei Darussalam.



**Prosedur pendaftaran.**

10. (1) Mana-mana rakyat boleh mendaftarkan sesebuah pesawat udara dalam daftar pesawat udara Negara Brunei Darussalam, tertakluk kepada peraturan-peraturan.

(2) Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan, menggantung, menolak atau menamatkan pendaftaran sesebuah pesawat udara di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah menentukan standard dan prosedur bagi pendaftaran pesawat udara tersebut, termasuk aturan-aturan mengenai penandaan dan pengecatan lambang kerakyatan Negara Brunei Darussalam dan tanda-tanda pendaftaran.

(3) Semua kuasa Pengarah berhubung dengan pengeluaran, penggantungan, penolakan atau penamatan pendaftaran, dan juga sebarang kuasa lain yang diberikan oleh Perintah ini, hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya.

**Sijil kelayakan terbang.**

11. (1) Tiap-tiap pesawat udara yang membuat penerbangan di dalam ruang udara Negara Brunei Darussalam akan menghendaki suatu sijil kelayakan terbang yang dikeluarkan atau diiktiraf sebagai sah oleh Negara Brunei Darussalam, atau yang dikeluarkan atau diiktiraf sebagai sah oleh negara atau wilayah pejabat pendaftaran pesawat udara itu.

(2) Suatu sijil kelayakan terbang yang dikeluarkan atau diiktiraf sebagai sah oleh negara atau wilayah lain hendaklah diiktiraf sebagai sah oleh Negara Brunei Darussalam jika kehendak-kehendak yang menurutnya sijil tersebut dikeluarkan atau diiktiraf sebagai sah oleh negara atau wilayah lain itu adalah sama dengan atau melebihi standard minimum bagi kelayakan terbang yang dinyatakan dalam Standard dan Amalan Yang Disyorkan.

(3) Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan, menggantung, mengubahsuai atau membatalkan suatu sijil kelayakan terbang bagi sesebuah pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah menentukan standard, kriteria, dan prosedur yang menurutnya kuasa tersebut akan dijalankan.

**Alatan penerbangan dan kelengkapan perhubungan.**

12. (1) Pesawat udara yang dikendalikan di dalam ruang udara Negara Brunei Darussalam hendaklah dilengkapi dengan radas pemancar radio, yang dilesenkan dan dipasang sekurang-kurangnya menurut Standard dan Amalan Yang Disyorkan dan undang-undang negara dan wilayah pendaftaran pesawat udara itu dan dikendalikan menurut aturan-aturan yang dibuat oleh Pengarah di bawah Perintah ini.

(2) Pengarah hendaklah menentukan standard pemasangan, penyelenggaraan dan pengendalian alatan penerbangan dan radas perhubungan di dalam semua pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam.

(3) Pesawat udara yang dikendalikan dalam jenis-jenis ruang udara jika kelengkapan perhubungan tidak diperlukan adalah dikecualikan dari peruntukan-peruntukan ceraiian (1) dan (2).

**Dokumen yang dibawa di dalam pesawat udara.**

13. (1) Tiap-tiap pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam hendaklah membawa dokumen-dokumen, atau salinan-salinannya, di dalam pesawat udara sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

(2) Dokumen-dokumen yang dibawa di dalam pesawat udara asing hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dan juga negara atau wilayah pendaftaran pesawat udara itu, dengan syarat bahawa Pengarah mempunyai hak untuk menghendaki pengemukaan dan pemeriksaan dokumen-dokumen tersebut.

**Hak ke atas pesawat udara dan penahanan pesawat udara.**

14. (1) Tiada pesawat udara yang terlibat dalam pengendalian pengangkutan udara awam di Negara Brunei Darussalam boleh ditahan di dalam Negara Brunei Darussalam bagi maksud-maksud mendapatkan balik tuntutan-tuntutan persendirian kecuali di bawah, dan menurut, suatu perintah mahkamah Negara Brunei Darussalam, atau mahkamah asing yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi maksud-maksud ceraiian (1), tuntutan-tuntutan persendirian adalah tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari hubungan antara pengendali sesebuah pesawat udara, termasuk pemilik berdaftar pesawat udara itu, dan orang persendirian, yang termasuk orang awam atau entiti yang bertindak atas sifat persendirian.

(3) Peruntukan-peruntukan berhubung dengan gadai janji pesawat udara, penahanan dan penjualan pesawat udara kerana bayaran lapangan terbang yang tidak dijelaskan, hak harta intelektual dan hak lain ke atas pesawat udara boleh dibuat dalam peraturan-peraturan.

(4) Pesawat udara hendaklah dianggap sebagai harta alih bagi maksud undang-undang Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, pemindahan pemilikan mestilah secara bertulis dan tidaklah sah setakat yang berkenaan dengan pihak-pihak ketiga sehingga pemindahan itu telah didaftarkan dalam daftar pesawat udara.

(5) Sesebuah pesawat udara hanya boleh digadai janji di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam jika pesawat udara itu telah didaftarkan dalam daftar gadai janji pesawat udara. Semua gadai janji mestilah direkodkan dalam daftar tersebut dan hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh gadai janji itu dimasukkan dalam daftar tersebut.

#### **BAHAGIAN IV**

#### **PERSONEL**

##### **Lesen dan sijil.**

15. (1) Tiada anggota anak kapal pengendali bagi sesebuah pesawat udara yang dikendalikan di dalam ruang udara Negara Brunei Darussalam boleh mengambil bahagian dalam pengendalian pesawat udara itu melainkan jika dia memiliki suatu lesen yang sah atau sijil kecekapan yang diiktiraf sebagai sah oleh Negara Brunei Darussalam, termasuk suatu lesen atau sijil yang dikeluarkan atau diberikan sah oleh negara atau wilayah pejabat pendaftaran pesawat udara itu.

(2) Suatu lesen atau sijil kecekapan yang dikeluarkan atau diberikan sah oleh negara atau wilayah lain hendaklah diiktiraf sebagai sah oleh Negara Brunei Darussalam jika kehendak-kehendak yang menurutnya lesen atau sijil kecekapan itu dikeluarkan atau diberikan sah oleh negara atau wilayah lain itu mematuhi atau melebihi Standard dan Amalan Yang Disyorkan.

(3) Di samping anak kapal pengendali, Pengarah boleh menetapkan standard yang mengawalselia tahap kecekapan bagi anggota anak kapal penerbangan yang lain dan personel penerbangan awam yang lain.

(4) Mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian sesebuah pesawat udara atau dalam sebarang perbuatan yang baginya suatu lesen atau sijil dikehendaki di bawah Perintah ini, atau yang di luar skop sebarang lesen atau sijil itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

##### **Komander pesawat udara.**

16. (1) Tiap-tiap pengendali pesawat udara hendaklah, bagi setiap bahagian penerbangan sesebuah pesawat udara, menetapkan seorang anggota anak kapal pengendali yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian sebagai komander pesawat udara itu dan, jika berkenaan, seorang lagi anggota anak kapal pengendali yang mempunyai kelayakan sebagai penolong komander yang akan, apabila perlu, mengambil alih kuasa.

(2) Komander pesawat udara itu hendaklah hanya bertanggungjawab bagi keselamatan pengendalian pesawat udara dalam penerbangan dan melindungi

pesawat udara dan orang serta harta di dalam pesawat udara itu. Dia hendaklah pada setiap masa mematuhi Aturan-Aturan dari Peraturan-Peraturan Udara, arahan yang berkenaan daripada pengawal lalulintas udara, mendapatkan semua maklumat kajicuaca yang berkaitan yang tersedia untuknya, dan memenuhi semua kehendak lain yang boleh dikenakan oleh Perintah ini.

(3) Komander pesawat udara itu adalah penguasa tertinggi yang membuat keputusan di dalam pesawat udara dan hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk mengambil langkah-langkah dan melaksanakan tindakan-tindakan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu dengan munasabah untuk menjalankan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawabnya. Komander pesawat udara itu mempunyai kuasa yang perlu untuk —

(a) menghalang orang di dalam kapal yang mungkin menjadi ancaman terhadap keselamatan;

(b) melindungi keselamatan orang dan harta di dalam kapal;

(c) menjaga ketertiban dan disiplin di dalam kapal;

(d) menurunkan orang yang mungkin menjadi ancaman terhadap keselamatan;

(e) memeriksa orang atau bagasi di dalam sesebuah pesawat udara dan mengambil milik benda-benda yang boleh digunakan berhubung dengan sebarang kesalahan, sebagaimana yang ditentukan di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(4) Pengarah boleh mengenakan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab tambahan kepada komander pesawat udara itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi kepentingan keselamatan atau sekuriti.

#### **Anak kapal.**

17. (1) Sesebuah pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam hendaklah membawa anak kapal penerbangan yang mencukupi bilangan dan perihalnya untuk memastikan keselamatan pesawat udara itu dan sekurang-kurangnya bilangan dan perihalan yang dinyatakan dalam sijil kelayakan terbang yang dikeluarkan atau diiktiraf sebagai sah di bawah peraturan-peraturan, atau jika tiada sijil kelayakan terbang dikehendaki di bawah peraturan-peraturan yang akan berkuatkuasa, dalam sijil kelayakan terbang (jika ada) yang terakhir berkuatkuasa di bawah peraturan-peraturan, berkaitan dengan pesawat udara itu.

(2) Pengarah hendaklah menetapkan standard bagi syarat-syarat bertugas anggota anak kapal penerbangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada waktu bertugas maksimum dan tempoh rehat yang dikehendaki.

(3) Tiada penerbangan boleh diberi kebenaran untuk dikendalikan melainkan jika keanggotaan anak kapal benar-benar mematuhi standard yang telah ditetapkan bagi jenis penerbangan yang dicadangkan dan melainkan jika tiap-tiap anggota anak kapal memenuhi standard berhubung dengan syarat-syarat bertugas.

(4) Pengarah hendaklah menetapkan standard perubatan minimum yang mesti dipenuhi oleh anggota anak kapal dan juga pengawal lalulintas udara, yang akan mematuhi atau melebihi Standard dan Amalan Yang Disyorkan.

## BAHAGIAN V

### PENGENDALIAN PESAWAT UDARA

#### Aturan-Aturan Udara.

18. (1) Pengarah hendaklah, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat Aturan-Aturan dari Peraturan-Peraturan Udara yang mengawal pengendalian pesawat udara dalam penerbangan yang dikenakan di dalam Negara Brunei Darussalam, dengan syarat bahawa Peraturan-Peraturan tersebut hendaklah mematuhi Lampiran 2 kepada Konvensyen Chicago dan Standard dan Amalan Yang Disyorkan.

(2) Peruntukan-peruntukan peraturan berkenaan dengan pendaftaran dan penandaan pesawat udara, buku log dan pelesenan personel tidak boleh dikenakan kepada pesawat udara dan personel negara asing apabila terbang di atas Negara Brunei Darussalam, dengan syarat bahawa sijil-sijil, lesen-lesen dan buku-buku log yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara atau wilayah di mana pesawat udara itu didaftarkan adalah dibawa dan ditunjukkan untuk pemeriksaan apabila dan jika dikehendaki oleh orang yang diberi kuasa.

(3) Pengarah hendaklah menetapkan syarat-syarat pengeluaran suatu sijil pengendali udara yang, menurut terma Aturan-Aturan dari Peraturan-Peraturan Udara, mengadakan terma yang menurutnya sesebuah pesawat udara boleh dikendalikan di Negara Brunei Darussalam.

(4) Tiada pesawat udara Negara asing boleh membuat penerbangan di atas atau mendarat di Negara Brunei Darussalam, kecuali setelah mendapat pelawaan bertulis atau pelepasan diplomatik daripada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

(5) Tiap-tiap pesawat udara Negara yang membuat penerbangan di dalam ruang udara awam dan di aerodrom awam hendaklah mematuhi Aturan-Aturan dari Peraturan-Peraturan Udara.

**Perkhidmatan perjalanan udara.**

19. (1) Pengarah boleh menetapkan prosedur bagi penyelenggaraan perkhidmatan perjalanan udara di Negara Brunei Darussalam untuk memastikan keselamatan pesawat udara yang membuat penerbangan di dalam ruang udaranya.

(2) Dalam menentukan standard bagi personel dan kemudahan yang berkaitan dengan perjalanan udara, Pengarah hendaklah mematuhi sekurang-kurangnya Standard dan Amalan Yang Disyorkan.

(3) Personel yang berkerja di kawalan lalulintas udara hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ceraiian (4) bab 17.

**Penjenisan ruang udara, penetapan laluan udara dan kawasan larangan atau terhad.**

20. (1) Pengarah hendaklah menyiarkan suatu penjenisan ruang udara bagi ruang udara Negara Brunei Darussalam menurut Standard dan Amalan Yang Disyorkan.

(2) Pengarah boleh menetapkan laluan udara yang mesti dilalui oleh pesawat udara awam yang dikendalikan di dalam ruang udara Negara Brunei Darussalam.

(3) Komander sesebuah pesawat udara yang membuat penerbangan di dalam ruang udara Negara Brunei Darussalam hendaklah mematuhi aturan-aturan dan peraturan-peraturan yang dikenakan kepada jenis ruang udara di mana dia membuat penerbangan.

(4) Pengarah boleh menetapkan kawasan-kawasan larangan dan terhad.

(5) Tiada pesawat udara boleh membuat penerbangan di atas suatu kawasan jika terdapat sekatan penerbangan, yang butir-butirnya telah disiarkan, kecuali menurut syarat-syarat sekatan itu.

(6) Mana-mana pesawat udara yang melencongkan penerbangannya dari suatu laluan yang telah ditetapkan atau memasuki suatu kawasan terhad atau larangan hendaklah dianggap sebagai suatu pengendalian tanpa kebenaran.

(7) Komander sesebuah pesawat udara yang terlibat dalam pengendalian tanpa kebenaran itu hendaklah mengambil langkah-langkah pembetul dengan serta-merta untuk kembali semula ke laluan yang dibenarkan dan hendaklah mematuhi sepenuhnya sebarang arahan khas daripada pihak-pihak berkuasa yang layak, termasuk sebarang arahan untuk mendarat di suatu lokasi yang telah ditetapkan.

**Aktiviti-aktiviti yang dilarang.**

21. (1) Tertakluk kepada dan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini dan sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya, aktiviti-aktiviti yang berikut adalah dilarang —

(a) membawa di dalam sesebuah pesawat udara bahan letupan, senjata, peluru, racun, bahan mudah terbakar, bahan radioaktif atau bermagnet tinggi, bahan pengoksidaan, bahan kakisan, bahan yang mempunyai bau yang kuat dan barang-barang lain yang dianggap berbahaya;

(b) kecuali bagi peralatan yang dibenarkan untuk dibawa di dalam pesawat udara, menggunakan alat pemancar radio di dalam sesebuah pesawat udara;

(c) melepaskan tembakan atau melancarkan roket ke ruang udara;

(d) melancarkan sesebuah pesawat udara tanpa manusia; dan

(e) menggunakan apa-apa mesin, peralatan atau peranti (termasuk kikir, model kawalan radio atau peralatan lain yang serupa) di dalam mana-mana kawasan yang telah ditetapkan oleh Menteri, atau dengan apa-apa cara yang boleh menjejaskan atau mengganggu keselamatan pesawat udara awam atau perhubungan radio penerbangan awam.

(2) Pengarah boleh melarang aktiviti lain sebagaimana yang diperlukan bagi kepentingan keselamatan atau yang sebaliknya dikehendaki bagi kepentingan awam.

(3) Pengarah boleh membenarkan pengecualian dari larangan-larangan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dikawalselia oleh bab ini. Jika pengecualian diberikan, aktiviti-aktiviti yang dikecualikan itu mestilah dijalankan menurut terma-terma, batasan-batasan dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam pemberian kebenaran oleh Pengarah.

**Mencari dan menyelamatkan.**

22. (1) Pengarah hendaklah menyiarkan aturan-aturan yang mengawal penyediaan unit-unit mencari dan menyelamatkan yang akan memberikan bantuan sebagaimana yang mungkin dikehendaki kepada mana-mana pesawat udara yang hilang atau dalam kecemasan di dalam wilayah Negara Brunei Darussalam. Pada menjalankan kewajipan-kewajibannya dalam hal ini, Pengarah hendaklah membuat penyelarasan apabila perlu dengan aerodrom, kerajaan tempatan, polis, angkatan bersenjata dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berkenaan.

(2) Sekiranya pesawat udara yang hilang atau dalam kecemasan itu didaftarkan di negara atau wilayah lain, Pengarah boleh membenarkan pemilik pesawat udara itu atau pihak-pihak berkuasa negara atau wilayah lain itu untuk mengadakan langkah-langkah bantuan sebagaimana yang mungkin dikehendaki dalam hal keadaan tersebut, dengan syarat bahawa pemberian sebarang bantuan tersebut hendaklah, pada setiap masa, berada di bawah kawalan Pengarah.

(3) Pengarah boleh juga menimbangkan permintaan oleh negara-negara atau wilayah-wilayah lain atau pertubuhan-pertubuhan antarabangsa untuk memberikan bantuan mencari dan menyelamatkan kepada pesawat udara yang hilang atau dalam kecemasan di dalam wilayah sesebuah negara atau wilayah yang bersempadan atau di laut lepas.

**Penyiasatan kemalangan dan kejadian.**

23. Tertakluk kepada peraturan-peraturan berkenaan dengan penyiasatan kemalangan —

(a) Pengarah hendaklah dengan segera menjalankan suatu siasatan yang objektif dan adil mengenai hal apa-apa kejadian atau kemalangan pesawat udara yang berlaku di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik orang dan menerima-pakai prosedur-prosedur sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi tugas ini;

(b) satu-satunya tujuan penyiasatan suatu kemalangan atau kejadian adalah untuk menentukan hal-hal dan sebab-sebab kejadian atau kemalangan itu dengan tujuan untuk mengelakkan kejadian-kejadian atau kemalangan-kemalangan pada masa depan dan bukan untuk membuktikan atau meletakkan kesalahan atau liabiliti;

(c) Pengarah boleh mempelawa orang asing untuk membantu dalam menjalankan penyiasatan itu, setakat mana ini bersesuaian dengan cara menjalankan penyiasatan yang betul.

**Kuasa-kuasa Menteri dalam hal keperluan tentera atau keselamatan awam.**

24. (1) Menteri boleh, jika pada pendapatnya perlu bagi kepentingan pertahanan, keselamatan awam atau ketenteraman awam —

(a) dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya sebagai suatu kawasan terhad atau larangan bagi maksud-maksud bab ini;

(b) dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengeluarkan perintah-perintah berkaitan dengan mana-mana kawasan terhad atau larangan atau sebahagiannya;



(c) dengan perintah, mengawalselia, menyekat atau melarang penerbangan mana-mana pesawat udara;

(d) melantik mana-mana orang untuk menjalankan dan menguatkuasakan sebarang perintah tersebut.

(2) Orang yang dilantik di bawah perenggan (d) cerai (1) hendaklah mengambil semua langkah yang mungkin dikehendaki dengan munasabah untuk memastikan perintah-perintah tersebut dipatuhi.

(3) Tiada tuntutan bagi gantirugi atau 'pampasan boleh dibuat terhadap mana-mana orang yang dilantik di bawah perenggan (d) cerai (1) yang timbul dari sebarang langkah yang diambil dengan niat suci olehnya di bawah cerai (2).

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1), atau yang menghalang mana-mana orang yang diberi tugas untuk menjalankan dan menguatkuasakan perintah itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

## BAHAGIAN VI

### PENGANGKUTAN UDARA

#### Lesen pengendalian.

25. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang perjanjian antarabangsa, tiada perusahaan pengangkutan udara boleh memohon suatu lesen pengendalian menurut sebarang peraturan berkenaan dengan pelesenan penerbangan perdagangan, sebelum suatu sijil pengendali udara dikeluarkan.

(2) Tanpa menjejaskan sebarang perjanjian antarabangsa yang dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam, tiada perusahaan pengangkutan udara boleh diberikan suatu lesen pengendalian melainkan jika ia mempunyai tempat perniagaannya yang utama di Negara Brunei Darussalam, dan dimiliki dan dikawal oleh Negara Brunei Darussalam atau oleh seorang rakyat.

(3) Pengarah hendaklah menetapkan kriteria dan prosedur untuk mendapatkan suatu lesen pengendalian.

#### Sijil pengendali udara.

26. Pemberian suatu lesen adalah bergantung kepada pemilikan suatu sijil pengendali udara yang menyatakan aktiviti-aktiviti yang diliputi oleh lesen itu dan mematuhi kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perintah ini.

**Kriteria pengeluaran sijil.**

27. (1) Berhubung dengan pengangkut udara domestik, Pengarah hendaklah menimbangkan kesesuaian, kelayakan, insurans dan tanggungjawab, dan juga kepentingan awam (antara kriteria lain), dalam membuat keputusannya untuk memberikan suatu sijil pengendali udara.

(2) Berhubung dengan pengangkut udara asing, di samping kriteria yang disebutkan dalam ceraiian (1), Pengarah hendaklah menimbangkan terma-terma sebarang perjanjian antarabangsa yang ada atau permit pengendalian sementara di antara Negara Brunei Darussalam dan negara atau wilayah asing yang berkenaan.

(3) Sebagai suatu syarat pengeluaran lesen pengendalian yang dikehendaki oleh ceraiian (1) bab 25, Pengarah boleh menghendaki pengangkut domestik dan juga asing untuk mengemukakan program-program sekuriti mereka untuk kebenaran, bagi kepentingan menjaga keselamatan dan sekuriti penerbangan awam.

**Syarat-syarat pengeluaran sijil.**

28. (1) Pengarah boleh memasukkan terma-terma, syarat-syarat dan batasan-batasan kepada suatu sijil sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi kepentingan awam.

(2) Suatu perusahaan pengangkutan udara yang diberikan suatu sijil dengan terma-terma, syarat-syarat atau batasan-batasan tersebut boleh meminta daripada Pengarah sebab-sebab pemasukannya.

(3) Pengarah hendaklah menjawab sebarang permintaan yang dibuat di bawah ceraiian (2) dalam masa 40 hari.

**Pindaan, penggantungan dan pembatalan sijil.**

29. Pengarah boleh, setelah memberikan notis terlebih dahulu kepada perusahaan pengangkutan udara, meminda, menggantung atau membatalkan suatu sijil jika dia menganggapnya perlu bagi kepentingan awam, dengan menyatakan sebab-sebabnya.

**Tarif.**

30. (1) Mana-mana perusahaan pengangkutan udara yang terlibat dalam pengangkutan udara perdagangan berjadual mestilah mempunyai suatu tarif yang telah dibenarkan dan berkuatkuasa yang meliputi pengangkutan yang akan disediakan.

(2) Tarif tersebut hendaklah dalam butir-butir yang dikehendaki oleh Pengarah, kecuali dalam hal pengangkutan udara antarabangsa, ia hendaklah menurut standard dan perjanjian antarabangsa.

**Pemfailan, kebenaran dan penggantungan tarif.**

31. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh peraturan-peraturan atau oleh pengecualian, tarif hendaklah difailkan oleh perusahaan pengangkutan udara dan dibenarkan oleh Pengarah sekurang-kurangnya 25 hari sebelum perlaksanaan.

(2) Kebenaran atau penolakan hendaklah secara bertulis, tetapi jika tidak dinyatakan demikian kepada perusahaan itu dalam masa 40 hari, maka kebenaran adalah secara tersirat.

(3) Pengarah boleh menggantung suatu tarif jika dia menganggapnya sebagai tidak adil, berat sebelah atau pun selainnya bertentangan dengan kepentingan awam.

**BAHAGIAN VII**

**AERODROM**

**Kawalan lapangan terbang dan bangunan.**

32. Menteri boleh mengadakan dan menyelenggara atau menyebabkan untuk diselenggara lapangan-lapangan terbang dan berhubung dengannya, jalan, jalan tuju, radas, peralatan, bangunan dan tempat kediaman lain.

**Penetapan aerodrom.**

33. Pengarah boleh menyediakan jenis-jenis aerodrom yang berlainan dan boleh menetapkan aerodrom tertentu untuk digunakan sebagai lapangan terbang antarabangsa oleh pengangkut udara yang mengendalikan perkhidmatan udara antarabangsa.

**Mendarat di aerodrom yang ditetapkan.**

34. Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh peraturan-peraturan atau oleh sebarang pengecualian, semua pesawat udara awam mestilah dikendalikan ke atau dari aerodrom yang ditetapkan atau tempat untuk mendarat dan berlepas.

**Pelesenan mandatori aerodrom.**

35. Tiada aerodrom boleh dikendalikan sehingga ia telah dikeluarkan dengan suatu lesen oleh Pengarah, dan tiada aerodrom boleh dikendalikan kecuali menurut terma-terma dan syarat-syarat lesen tersebut.

**Kriteria pengeluaran lesen.**

36. (1) Dalam menentukan sama ada untuk mengeluarkan lesen tersebut, Pengarah hendaklah mengambil kira kehendak-kehendak keselamatan, sekuriti, faktor alam sekitar dan gangguan kepada orang ramai kerana sebarang sebab yang berpunca dari penggunaan pesawat udara, di sekitar aerodrom, dan kehendak-kehendak ini hendaklah dilaksanakan dengan peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengubahsuai, menggantung atau membatalkan sebarang lesen.

**Peraturan-peraturan bagi pengurusan dll. lapangan terbang.**

37. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan bagi pengurusan, kawalan dan penyeliaan lapangan-lapangan terbang di Negara Brunei Darussalam, dan peraturan-peraturan tersebut boleh mengadakan peruntukan bagi —

(a) mengawalselia dan menyekat orang dari memasuki lapangan-lapangan terbang;

(b) mengawalselia dan menyekat penggunaan sebarang jenis atau perihalan kenderaan, kapal dan pesawat udara di mana-mana bahagian dalam mana-mana lapangan terbang;

(c) menahan atau memusnahkan binatang yang mencerobohi mana-mana lapangan terbang;

(d) bayaran yang akan dibuat kerana menggunakan lapangan-lapangan terbang dan kerana perkhidmatan yang diberikan di sana.

**Kuasa-kuasa Pengarah berhubung dengan pengurusan aerodrom.**

38. (1) Pengarah tidak boleh memberhentikan penggunaan mana-mana aerodrom yang diurus oleh Jabatan, kecuali dengan persetujuan Menteri.

(2) Pengarah hendaklah menyediakan di aerodrom kemudahan-kemudahan yang dianggap perlu atau mustahak supaya pengangkutan udara dapat berfungsi dan berkembang dengan betul, dan bagi menggalakkan kecekapan, ekonomi dan keselamatan pengendalian.

(3) Pengarah boleh melantik mana-mana orang untuk mengurus bagi pihak Jabatan mana-mana aerodrom yang diurus oleh Jabatan, dan sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada aerodrom yang diurus oleh Jabatan termasuk suatu sebutan kepada aerodrom yang diurus oleh seseorang yang dilantik menurut ceraihan ini.

**Pemindahan halangan berbahaya.**

39. Pengarah boleh menghendaki pemindahan mana-mana bangunan, struktur, binaan, pokok atau benda lain apa pun di atas mana-mana tanah atau air yang boleh mendatangkan bahaya kepada pesawat udara yang membuat penerbangan menurut amalan penerbangan normal.

**Sekatan ke atas penggunaan tanah.**

40. Bagi maksud untuk memastikan keselamatan pesawat udara yang membuat penerbangan menurut amalan penerbangan normal, Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang menyekat penggunaan tanah yang berdekatan dengan lapangan-lapangan terbang dan membuat peruntukan bagi melarang dan menyekat —

(a) pendirian bangunan, struktur atau benda lain di mana-mana kawasan tertentu;

(b) penanaman, atau pengehadan ketinggian, mana-mana pokok di mana-mana kawasan tertentu;

(c) penyemaian atau penanaman apa-apa tumbuhan atau tanaman di mana-mana kawasan tertentu;

(d) pembawaan masuk mana-mana vesel atau kenderaan ke dalam mana-mana kawasan tertentu, atau mana-mana kapal atau kenderaan dari dilabuhkan atau dipandu di dalamnya.

**Penunjukan lampu.**

41. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan —

(a) yang menyekat penunjukan lampu di dalam kawasan yang lazimnya digunakan oleh pesawat udara berdekatan dengan lapangan-lapangan terbang;

(b) yang menghendaki penunjukan lampu, dari jenis yang diluluskan, di bangunan-bangunan atau struktur-struktur di dalam kawasan yang lazimnya digunakan oleh pesawat udara berdekatan dengan lapangan-lapangan terbang;

(c) yang menghendaki penunjukan lampu, dari jenis yang diluluskan, di mana-mana bangunan atau struktur yang tingginya melebihi 300 kaki dari paras bumi;

(d) pada amnya bagi maksud untuk memastikan keselamatan pesawat udara.

#### **Pemberian bantuan.**

42. Pengarah boleh mengadakan dan menyelenggara radas untuk memberi bantuan visual, radio atau bantuan lain bagi keselamatan dan penerbangan pesawat udara dan boleh menyediakan dan menyelenggara berhubung dengannya semua kelengkapan, bangunan dan tempat kediaman lain yang berkenaan.

### **BAHAGIAN VIII**

#### **LIABILITI DAN INSURANS**

#### **Pengenaan Konvensyen Warsaw-Hague.**

43. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, peruntukan-peruntukan Konvensyen Warsaw-Hague hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mengawal hak dan liabiliti pengangkut, penumpang, konsainor, konsaini dan orang lain berkenaan dengan sebarang pengangkutan melalui udara yang dikenakan Konvensyen itu.

(2) Sebarang gantirugi yang didapatkan balik daripada pengangkut akibat dari liabiliti yang dikenakan kepadanya dengan pengenaan Konvensyen Warsaw-Hague adalah remedi eksklusif dan adalah sebagai ganti sebarang remedi lain di sisi undang-undang yang, jika tidak kerana Konvensyen itu, boleh didapati.

(3) Sebarang jumlah wang dalam hak ambil istimewa yang disebutkan dalam Perkara 22 Konvensyen Warsaw-Hague hendaklah, bagi maksud-maksud suatu tindakan terhadap pengangkut, ditukar kepada matawang Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

(4) Sekiranya berlaku kematian kepada seorang penumpang, liabiliti pengangkut boleh dikuatkuasakan untuk faedah anggota keluarga penumpang tersebut sebagai kerugian atau kerosakan yang dibenarkan kerana kematiannya.

(5) Suatu tindakan untuk menguatkuasakan liabiliti itu boleh dibawa oleh wakil penumpang tersebut atau oleh mana-mana orang yang untuk faedahnya liabiliti itu boleh dikuatkuasakan tetapi hanya satu tindakan boleh dibawa di hadapan mahkamah di Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan kematian mana-mana satu penumpang dan setiap tindakan itu yang dibawa oleh sesiapa sahaja hendaklah untuk faedah semua orang itu.

(6) Amaun yang boleh didapatkan balik dalam sebarang tindakan itu tidak boleh melebihi dari kerugian sebenar dan prospektif yang berpunca dari kematian kepada anggota keluarga penumpang tersebut.

(7) Dalam bab ini, perkataan "anggota keluarga penumpang tersebut" termasuk, tetapi tidak terhad kepada seorang isteri, suami, anak dan ibu atau bapa, dan anggota keluarga yang bergantung dari segi kewangan kepada penumpang tersebut.

#### **Pengangkutan bukan antarabangsa.**

44. Bab 43 dan peruntukan-peruntukan Konvensyen Warsaw-Hague juga dikenakan kepada pengangkutan melalui udara, bukannya pengangkutan antarabangsa sebagaimana yang ditakrifkan oleh Perkara I Konvensyen itu, walau bagaimanapun tertakluk kepada kekecualian, penyesuaian dan pengubahsuaian sebagaimana yang mungkin dibuat oleh Menteri.

#### **Liabiliti pengendali pesawat udara kepada pihak ketiga.**

45. (1) Mana-mana pengendali sesebuah pesawat udara dalam penerbangan hendaklah bertanggungjawab terhadap kerugian yang disebabkan oleh pesawat udara itu atau pengendaliannya, atau yang disebabkan oleh mana-mana orang atau objek di dalam pesawat udara itu atau yang dipasang pada pesawat udara itu, atau seseorang atau objek yang jatuh dari pesawat udara itu, yang mengakibatkan kematian atau kecederaan diri kepada, atau kerosakan pada sebarang harta, pihak ketiga.

(2) Jika pesawat udara yang berkenaan telah didemis, dipajakkan atau disewakan dengan niat suci bagi sebarang tempoh kepada mana-mana orang lain oleh pemiliknya, dan tiada juruterbang, komander, navigator atau anggota anak kapal yang boleh mengendalikan pesawat udara itu diambil kerja oleh pemilik pesawat udara itu, Perintah ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah sebutan kepada pengendali telah digantikan dengan sebutan kepada orang yang kepadanya pesawat udara itu telah didemis, dipajakkan atau disewakan.

**Kecuaian sertaan.**

46. Sebarang liabiliti yang dikenakan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini boleh dikurangkan atau ditiadakan jika pihak yang bertanggungjawab itu membuktikan bahawa kerugian yang ditanggung adalah disebabkan oleh atau merupakan antara sebab kecuaiannya pihak tercedera.

**Kehendak insurans minimum.**

47. (1) Tiap-tiap pengendali pesawat udara, dan tiap-tiap perusahaan pengangkutan udara yang telah dikeluarkan dengan suatu lesen pengendalian di bawah bab 25, hendaklah memastikan dan menyelenggara suatu polisi insurans yang berkuatkuasa, dalam amaun minimum sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri Kewangan, yang meliputi berbagai liabiliti yang dinyatakan dalam Perintah ini, dalam konvensyen antarabangsa yang terpakai atau dalam perjanjian lain yang mengawal liabiliti.

(2) Kegagalan untuk memastikan atau menyelenggara insurans yang berkuatkuasa itu dalam amaun minimum sebagaimana yang mungkin ditentukan itu hendaklah, di samping sebarang penalti sivil atau jenayah lain yang boleh dikenakan, menjadi asas untuk tidak membenarkan pesawat udara itu membuat penerbangan atau untuk membatalkan atau menggantung lesen bagi pengangkutan awam.

**Aturan-aturan bagi kepentingan awam.**

48. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan liabiliti di bawah Bahagian ini, yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi kepentingan awam.

**PART IX**

**KESELAMATAN PENERBANGAN AWAM**

**Bidang kuasa ke atas kesalahan dan perbuatan lain yang dilakukan di dalam pesawat udara.**

49. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai bidang kuasa –

(a) ke atas sebarang kesalahan atau perbuatan lain yang dilakukan terhadap atau di dalam mana-mana pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam, di mana sahaja pesawat udara itu terletak;



(b) ke atas sebarang kesalahan atau perbuatan lain yang dilakukan terhadap atau di dalam mana-mana pesawat udara di Negara Brunei Darussalam;

(c) ke atas sebarang kesalahan atau perbuatan lain yang dilakukan di dalam mana-mana pesawat udara yang mendarat di Negara Brunei Darussalam dengan pesalah yang diperkatakan itu masih berada di dalam pesawat udara;

(d) ke atas sebarang kesalahan atau perbuatan lain yang dilakukan di dalam sesebuah pesawat udara yang dipajakan tanpa anak kapal kepada penerima pajak yang mempunyai tempat perniagaannya yang utama atau, jika penerima pajak tidak mempunyai tempat perniagaan, tempat kediamannya yang tetap, di Negara Brunei Darussalam;

(e) ke atas sebarang kesalahan atau perbuatan lain yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan oleh sebarang undang-undang berkenaan dengan perampasan dan perlindungan pesawat udara atau berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di dalam pesawat udara jika pesalah yang diperkatakan itu berada di Negara Brunei Darussalam dan belum diekstradisi menurut Konvensyen Hague atau Konvensyen Montreal ke mana-mana Negara lain yang disebutkan dalam Perkara 4, perenggan 1 Konvensyen Hague atau Perkara 5, perenggan 1 Konvensyen Montreal.

#### **Keselamatan di lapangan terbang.**

50. (1) Menteri hendaklah mengadakan dan menyelenggara Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam, yang dirancang untuk meningkatkan keselamatan dan sekuriti penerbangan awam di Negara Brunei Darussalam.

(2) Menteri hendaklah menentukan kawasan mana di aerodrom adalah kawasan terhad, orang yang memasukinya tanpa kebenaran yang diperlukan adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Personel yang diberi tugas untuk menjaga keselamatan aerodrom di Negara Brunei Darussalam adalah diberi kuasa untuk menyempurnakan semua langkah keselamatan yang perlu bagi melindungi penerbangan awam, termasuk pemeriksaan penumpang dan bagasi sebelum menaiki pesawat udara.

(4) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, Pesuruhjaya Polis hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi keselamatan aerodrom dan mempunyai kuasa untuk menahan sebagaimana yang difikirkannya patut mana-mana orang yang telah dikehendaki untuk turun atas sebab keselamatan atau sekuriti.

BAHAGIAN X

AM

**Kesalahan-kesalahan dan peruntukan-peruntukan penal.**

51. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Suatu kesalahan di bawah Perintah ini dan suatu kesalahan yang dilakukan di dalam sesebuah pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam hendaklah, bagi maksud-maksud berkenaan dengan bidang kuasa sesebuah mahkamah untuk membicarakan kesalahan itu, dianggap telah dilakukan di mana-mana tempat di mana tertuduh kebetulan berada, dengan syarat bahawa jika kesalahan itu dilakukan di Negara Brunei Darussalam, kesalahan itu boleh dibicarakan oleh mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di mana kesalahan itu dilakukan.

(3) Jika seseorang yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Perintah ini adalah pemegang suatu lesen atau sijil, mahkamah yang menyabitkannya boleh, di samping sebarang hukuman yang boleh dikenakan, membatalkan, menggantung bagi suatu tempoh tertentu atau memerintahkan supaya lesen atau sijil itu diendors atau, jika dia bukan pemegang suatu lesen atau sijil, mengisytiharkannya sebagai tidak layak memegang suatu lesen atau sijil di bawah Perintah ini, bagi suatu tempoh sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian.

(4) Bab ini hendaklah dikenakan sama kepada pemilik dan pengendali sesebuah pesawat udara, melainkan jika pemilik atau pengendali itu membuktikan bahawa pelanggaran, kesalahan atau kegagalan yang berkenaan itu berlaku tanpa perintah, kebenaran atau arahnya, dan dia tidak dapat mengelakkannya.

(5) Hukuman-hukuman yang diperuntukkan di bawah Perintah ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak menggantikan sebarang hukuman yang dikenakan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan pengimportan atau pengeksportan barang-barang, dan kepada orang yang memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan pesawat udara.

(6) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang pengabaian di pihak, seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia,

dan juga badan korporat itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

**Kehendak melaporkan.**

52. (1) Di samping sebarang kehendak melaporkan yang lain yang boleh dikenakan dengan peraturan-peraturan, semua personel penerbangan awam hendaklah melaporkan —

(a) sebarang pelanggaran Perintah ini yang disyaki oleh mana-mana orang, sama ada atas sifat kerajaan atau diri;

(b) sebarang kejadian atau perbuatan yang menjejaskan atau yang boleh menjejaskan keselamatan penerbangan awam;

(c) sebarang kemalangan pesawat udara,

pada masa-masa dan dalam bentuk sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah.

(2) Sebarang laporan yang dikemukakan menurut ceraiian (1) hendaklah disiasat dengan segera dan suatu keputusan dibuat tentang apa tindakan selanjutnya yang dikehendaki.

**Tanggung rugi pegawai kerajaan.**

53. Seseorang pegawai kerajaan yang bertindak dalam melaksanakan kewajibannya tidak akan bertanggung terhadap —

(a) kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kematian atau kecederaan kepada mana-mana orang semasa di bawa di dalam sesebuah pesawat udara yang dimiliki, dikendalikan atau dicarter oleh Kerajaan atau semasa memasuki atau menaiki atau berada di dalam pesawat udara itu untuk tujuan dibawa di dalamnya atau semasa berada di dalam atau turun darinya setelah dibawa di dalamnya, jika orang itu dibawa atau akan dibawa kecuali dalam melaksanakan kewajibannya sebagai seorang pegawai kerajaan; atau

(b) kerugian atau kerosakan kepada barang-barang yang dibawa di dalam pesawat udara itu.

**Pengecualian.**

54. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain Perintah ini, Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang dari kuatkuasa Perintah ini atau sebarang peruntukannya, jika dia berpuas hati

bahawa kepentingan awam atau pertimbangan komiti antarabangsa dan timbal balik menghendaki pengecualian tersebut.

(2) Menteri boleh mengenakan terma-terma, syarat-syarat dan batasan-batasan kepada sebarang pengecualian sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak.

(3) Sebarang pengecualian yang diberikan kepada mana-mana orang dari kuatkuasa Perintah ini atau sebarang peruntukannya hendaklah secara bertulis, dengan menyatakan sebab-sebabnya.

**Pemansuhan Penggal 113 dan perkecualian.**

55. (1) Tertakluk kepada ceraiian (2), Akta Perjalanan Udara (Penggal 113) adalah dimansuhkan.

(2) Sebarang Perintah dalam Majlis Mesyuarat yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta itu sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini, setakat mana ia berkuatkuasa pada tarikh itu di Negara Brunei Darussalam dan setakat mana ia tidak bertentangan dengan Perintah ini, hendaklah terus berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam, tetapi Menteri boleh, pada bila-bila masa dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda sebarang Perintah dalam Majlis Mesyuarat itu bagi pengenaannya kepada Negara Brunei Darussalam.

(3) Sebarang undang-undang tambahan atau lantikan yang dibuat, dan apa-apa perkara yang dilakukan, di bawah Perintah itu dan berkuatkuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini dan setakat mana ia tidak bertentangan dengan Perintah ini, hendaklah terus berkuatkuasa seolah-olah dibuat atau dilakukan di bawah Perintah ini, tetapi Menteri boleh, pada bila-bila masa dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda, memansuhkan atau membatalkan sebarang undang-undang tambahan, lantikan atau perkara itu.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 20 haribulan Mei, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM